



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “SAKSAMA BERSAMA; WANITA DAN LELAKI SALING MELENGKAPI”

11 Mac 2022 / 8 Syaaban 1443

الْحَمْدُ لِلّٰهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الَّذِينَ كُلُّهُ وَكَفَى بِاللّٰهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالْتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ<sup>3</sup> أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللّٰهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkuuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Bersempena Sambutan Hari Wanita pada 8 Mac 2022, mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk:

### “SAKSAMA BERSAMA; WANITA DAN LELAKI SALING MELENGKAPI”

Hari Wanita mula disambut sejak tahun 1908, rentetan bantahan sekumpulan wanita di Amerika Utara yang menuntut hak mengundi sewaktu berlangsungnya pilihan raya; disusuli tuntutan-tuntutan lain seperti diberikan kesaksamaan hak dalam segenap bidang merangkumi ekonomi, politik, pendidikan, sosial dan kebudayaan.

Di negara kita, Sambutan Hari Wanita bertemakan “Saksama Bersama” telah diadakan pada 6 hingga 8 Mac lalu, bertujuan meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap pentingnya mencapai kesaksamaan bersama, demi memastikan kebolehan dan keupayaan wanita terus ditingkatkan agar dapat berperanan membantu membangunkan negara.

### Sidang Jumaat yang dimuliakan,

Sesungguhnya Islam telah memberi pengiktirafan terhadap wanita jauh lebih awal. Pada zaman jahiliah, wanita dipandang hina dalam keluarga dan masyarakat; dianggap sebagai

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



beban, dan ada pula yang dijadikan bahan dagangan untuk memenuhi keperluan nafsu lelaki. Rasulullah SAW telah berusaha membawa wanita keluar daripada kegelapan masyarakat Arab Badawi dengan menegaskan bahawa wanita ialah kunci keamanan dan kestabilan sekiranya mereka diberikan maruah, penghormatan dan hak yang saksama. Islam memberi hak kepada wanita untuk menolak pinangan, menuntut cerai, memiliki harta dan mewarisi pusaka. Islam mengangkat tinggi martabat wanita, termasuk memberi beberapa peranan penting, sesuai dengan keadaan dan kekuatan lahiriah mereka.

Sejarah memperlihatkan wanita bukan sahaja dimuliakan malah turut diberikan ruang untuk berperanan penting dalam masyarakat. Sempena Sambutan Hari Wanita Sedunia, mimbar memilih menyenaraikan beberapa orang tokoh wanita Islam untuk dijadikan teladan.

**Sayidatina Khadijah;** seorang ahli perniagaan wanita yang cekal dan berjaya dalam dunia perniagaan, merupakan insan pertama yang menerima Islam dan berperanan memberi ketenteraman, keyakinan dan kekuatan kepada Rasulullah untuk menyebarkan dakwah Islamiah.

**Sayidatina Aisyah;** terkenal dengan kepintaran menguasai ilmu dalam bidang-bidang fikah, faraid dan tafsir, serta memiliki watak kepimpinan yang melatih dan mendidik para wanita sezaman dan menjadi sumber rujukan selepas kewafatan Rasulullah SAW.

**Khawlah binti Azwar;** seorang pahlawan dan pejuang yang terkenal kerana keberanian sehingga ramai yang tidak menyedari beliau bukan seorang lelaki, menyertai angkatan perang Islam memerangi tentera Bizantin dalam Perang Yarmouk pada tahun 636.

**Rufaidah al-Aslamiyyah;** memperkenalkan peranan jururawat 1,200 tahun sebelum munculnya Florence Nightingale. Rufaidah melatih wanita Islam, dan menyusun pasukan penyelamat di medan perang. Beliau meminta Rasulullah SAW menyediakan khemah di dalam Masjid Nabawi sebagai tempat memberi khidmat dan melatih jururawat.

**Sumayyah binti Khayyat;** orang yang pertama mati syahid setelah diseksa oleh Abu Jahal, disebat di bawah terik matahari sehingga melepuh kulit, kemudiannya ditikam dengan tombak kerana cekal berpegang kepada kalimah tauhid, ‘La ila ha ilallah, Muhammadur Rasulullah’.

**Nusaybah binti Ka’ab al-Ansariyyah;** dikenali sebagai Ummu ‘Ammara, ialah tentera wanita pertama dalam Islam; mengambil bahagian dalam Perang Uhud, menggunakan tubuhnya sebagai perisai bagi melindungi Rasulullah SAW.

**Ummu Salamah;** berperanan sebagai penasihat Rasulullah SAW semasa rundingan Perjanjian Hudaibiyah membantu Baginda menyelesaikan masalah.



**Fatimah al-Fihri;** seorang wanita berpendidikan tinggi daripada keluarga hartawan yang mendirikan universiti Al Qarawiyyin di Morocco, merupakan universiti pertama dan tertua di dunia.

**Lubna;** seorang penulis, penyair, ahli sains dan matematik, berasal seorang hamba, kemudiannya berperanan sebagai setiausaha kepada Khalifah Abdul Rahman III dan anaknya al-Hakam bin Abdul Rahman, pada zaman Khalifah Umayyah di Cordoba, bertanggungjawab menguruskan perpustakaan diraja yang mengandungi lebih lima ratus ribu naskhah buku, menulis dan menterjemahkan manuskrip, serta berperanan menuju Perpustakaan Al-Andalus.

**Rabiatal Adawiyah;** Anak yatim piatu pada usia begitu muda dalam keluarga yang sangat miskin, dan ketiga-tiga kakaknya juga meninggal dunia kerana kebuluran yang melanda Iraq, lalu Adawiyah dijual sebagai hamba. Selepas dimerdekakan, beliau mengabdikan diri kepada Allah SWT dan mengasaskan ajaran sufi ‘Cinta Allah’ yang menekankan kasih sayang kepada Allah.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Wanita dan lelaki adalah sama di sisi Allah SWT; masing-masing mempunyai tanggungjawab menyempurnakan fardu ain dan fardu kifayah. Allah SWT tidak meletakkan perbezaan jantina dalam mengukur tingkat keimanan hamba Nya. Kehidupan yang baik dan ganjaran kebaikan akan diberikan secara adil mengikut amal yang dilakukan. Lelaki dan wanita adalah gandingan yang melengkapi, saling menolong dalam melaksanakan tanggungjawab serta saling menjaga dan melindungi untuk kesejahteraan bersama. Firman Allah SWT di dalam surah at-Taubah ayat 71:

﴿ وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلَيَاءُ بَعْضٍ يَا مُرْسَلُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ  
وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكُوَةَ وَيُطِيعُونَ رَبَّهُمْ وَرَسُولَهُ وَأُولَئِكَ سَيِّدُنَّاهُمُ اللَّهُ<sup>4</sup> إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴾

Maksudnya: Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan mencegah daripada berbuat kejahanan, mereka mendirikan solat, menunaikan zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul Nya. Mereka akan diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya, Allah

<sup>4</sup> Ayat Al-Quran



Maha Perkasa, Maha Bijaksana.

### Para jemaah yang dikasihi Allah,

Sebagai pemimpin di dalam keluarga, janganlah wanita dikhianati dan ditindas, sebaliknya berpegang teguh dengan amanah yang diberikan selaras dengan sabda Rasulullah SAW,

**خَيْرُكُمْ خَيْرٌ لِأَهْلِهِ وَأَنَا خَيْرٌ لِأَهْلِي وَإِذَا مَاتَ صَاحِبُكُمْ فَدَعُوهُ.**

Ertinya: Sebaik-baik kalian adalah yang paling baik terhadap ahli keluarganya, dan aku adalah orang yang paling baik terhadap ahli keluarga ku, apabila sahabat kalian meninggal dunia maka biarkanlah dia (tinggalkanlah dia jangan membicarakan keburukan-keburukannya).

(Riwayat At-Tirmizi)

Mimbar menyeru Muslimin kepada peringatan-peringatan berikut:

**Pertama:** Menjaga dan memelihara kehormatan wanita dengan memastikan penglibatan mereka disulami dengan adab dan akhlak Islam serta tidak menyalahi peraturan dan syariat Allah SWT.

**Kedua:** Mengiktiraf kebolehan dan keupayaan wanita agar mereka sama-sama dapat memberikan sumbangan tenaga dan fikiran untuk kemakmuran dan kesejahteraan negara.

**Ketiga:** Menghargai bahawa wanita dikurniakan dengan naluri kasih sayang dan kasihan belas yang tinggi, yang sangat diperlukan untuk mengasuh dan membimbing anak-anak dalam hasrat membentuk generasi *ulul albab*.

**Keempat:** Menginsafi bahawa wanita memikul beban tanggungjawab lebih berat dalam kehidupan berkeluarga, bermula daripada mengandung, melahirkan, menyusukan, membesarkan, mendidik dan mendewasakan anak.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفَعْنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ  
مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ  
إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>5</sup> حَمْدًا يُوَافِي بِعَمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ . أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>6</sup> وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ . أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ<sup>7</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ .

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, para sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا<sup>8</sup>  
 اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى  
 مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.  
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ<sup>9</sup> وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَأَصْلِحْ ذَاتَ يَنْهِمْ وَالْفَيْنَ قُلُوبَهُمْ  
 وَاجْعِلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ وَثِيقَتُهُمْ عَلَى مَلَكَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ .  
 اللَّهُمَّ اجْعِلْ نِسَاءَ وَبَنَاتِ الْمُسْلِمِينَ صَالِحَاتٍ تَقِيَّاتٍ قَاتِنَاتٍ تَأْيِيَاتٍ، وَحِبْ لَهُنَّ السِّرْ  
 وَالْحِجَابَ، وَاغْرِسْ فِيهِنَّ الْحَيَاةَ وَالعَفَافَ . اللَّهُمَّ وَاحْرُسْهُنَّ مِنْ دَعَوَاتِ الْمُفْسِدِينَ،  
 وَدِعَائِيَاتِ الْمُضِلِّينَ، وَاجْعِلْ قُدُوتَهُنَّ أُمَّهَاتِ الْمُؤْمِنِينَ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ . اللَّهُمَّ  
 اسْتُرْ عَوْرَاتِنَا وَآمِنْ رَوْعَاتِنَا . اللَّهُمَّ احْفَظْ نِسَاءَنَا مِنْ كُلِّ مَكْرُوهٍ وَسُوءٍ .  
 اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةٌ  
 وَعَنْ سَائِرِ بُلْدَانِ عَامَّةٍ .

<sup>5</sup> Memuji Allah

<sup>6</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>7</sup> Pesan Taqwa

<sup>8</sup> Ayat Al-Quran

<sup>9</sup> Doa untuk kaum muslimin



**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!**, jadikanlah para Muslimah kami wanita solehah, mendirikan solat, mentaati ibu bapa dan suami, menutup aurat, menjaga maruah keluarga, bersyukur dan redha dengan apa yang ada, serta dihindari daripada segala tipu daya dan mara bahaya.

**Ya Razzaq**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai rezeki yang berlipat ganda kepada mereka, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan fuqara dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Riduan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Riduan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

**رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ**

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَيْهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.